

## **TAPAK PERBEZAAN ASAL USUL GERAKAN MUHAMMADIYAH DAN NAHDLATUL ULAMA (NU) DI INDONESIA**

*MAMAN ABDUL MAJID BINFAS*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
*mabinfas@yahoo.co.id*

*MOHD SYUKRI YEOH ABDULLAH*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
*mosyuoh@yahoo.com*

*AHMAD MUNAWAR ISMAIL*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
*munawar@ukm.edu.my*

### **ABSTRAK**

Muhammadiyah dan Nahdlatul Ulama adalah dua organisasi sosial keagamaan yang dikenali oleh seantero masyarakat. Hal ini menyebabkan ia mendapat perhatian daripada para pengkaji untuk diselongkar rahsia-rahsia ilmiah, yang melibatkan para ilmuan tempatan mahupun antarabangsa. Selain itu, ia juga disebabkan oleh struktur kepimpinan yang tersusun rapi dan kukuh, bermula dari peringkat bawahan sehingga ke peringkat pusat (keseluruhan). Gerakan Muhammadiyah mula ditubuhkan pada tahun 1912 oleh Kiyai Ahmad Dahlan kerana keadaan masyarakat Islam Indonesia pada ketika itu yang mengalami kemunduran dan kebekuan dalam berfikir terutamanya tentang kepercayaan masyarakat yang masih kuat berpegang kepada perkara-perkara tahayul, bidaah, dan khurafat. Manakala Nahdlatul Ulama pula ditubuhkan pada tahun 1926 oleh persatuan Kiyai-Kiyai di Jawa Timur, melalui pelbagai konflik, antaranya berlakunya perbezaan pendapat antara KH. Wahab Chasbullah dengan KH. Mas Mansyur dalam persatuan Taswir al-Afkar atau Nahdlatul Wathan (1916), serta masalah Kongres al-Islam Hindia Timur (1926) yang diadakan oleh Raja Ibn Saud di Mekah. Justeru itu, ia menjadi sangat menarik untuk dikaji terutamanya berkaitan dengan asal usul wujudnya gerakan Muhammadiyah dan Nahdlatul Ulama di Indonesia serta perbezaan sejarah antara kedua-dua organisasi tersebut. Walaupun organisasi Muhammadiyah dan Nahdlatul Ulama hanyalah organisasi bersifat gerakan sosial keagamaan, namun terdapat perbezaan dalam proses penubuhan gerakannya, yang melibatkan sejarah asal usul gerakan dan penubuhan, karya penulisan dan pekerjaan para pengasasnya, langkah-langkah monumental, faktor-faktor yang menyokong serta institusi pendidikannya. Perbezaan-perbezaan tersebut turut mempengaruhi dinamika gerakan pendidikan masing-masing.

**Kata Kunci:** perbezaan; asal usul; gerakan; Muhammadiyah, Nahdlatul Ulama

## ***THE CHRONICLED DISTINCTION BETWEEN MUHAMMADIYAH AND NAHDLATUL ULAMA MOVEMENTS IN INDONESIA***

### **ABSTRACT**

The current academic and political debates both in Indonesia and globally highlight the widespread roles of Muhammadiyah and Nahdlatul Ulama among society. Both Islamic organizations were established hierarchically and structurally throughout Indonesia expanding from city center to periphery of the region. The emergence of the two largest

Islamic groups was due to particular reasons. Muhammadiyah, on one hand, was founded by a well-known Islamic cleric, KH Ahmad Dahlan (1912) in response to a call to purify the original teaching of Islam, preventing mystique beliefs (tahayul), heresy (bid'ah) and superstitious beliefs (khurafat). On the other hand, the Nahdlatul Ulama was created by a group of Islamic clerics to mediate a series of conflicts and the discrepancies of Islamic perspectives in Nahdlatul Wathan Cohort (Taswir Al-Afkar) raised by KH Wahab Chasbullah's and KH Mas Mansyur's views (1916), and problems of Islam emerged from the Islamic Congress in Makkah held by King Ibn Saud (1926). Despite both two organizations have similar priority on social movements, they indeed differ in terms of historical engagements and activities, contributing factors, and delivering modes of educational services. Consequently, such differences predominantly lead to the dissimilarities of their dynamics progress and charitable endeavors.

**Keywords:** distinction; chronicle; movement; Muhammadiyah; Nahdlatul Ulama

## PENDAHULUAN

Gerakan pembaharuan Islam mula bertapak dan muncul di Indonesia kira-kira awal abad ke-20 dan semakin berkembang apabila timbulnya pelbagai organisasi sosial keagamaan. Dalam waktu yang sama, pihak pemerintah (penjajah Belanda) sedang menjalankan politik balas budi (politik etika) apabila membina sekolah-sekolah formal bagi kaum anak negeri (bumiputera) terutamanya golongan priyayi atau kerabat raja dan golongan bangsawan. Pendidikan yang diasaskan Belanda tersebut bagaimanapun telah membuka mata kaum terpelajar akan keadaan sebenar masyarakat Indonesia yang dikuasai dengan kemiskinan, kemunduran dan penindasan. Hal ini telah mendorong lahirnya pelbagai organisasi sosial dalam kalangan masyarakat Indonesia seperti Budi Utomo, Taman siswa, Jong Java, Jong Sumatera Bond, Jong Ambon dan Jong Selebes. Manakala organisasi keagamaan seperti Persis, Al-Irsyad, Jami'at Khair, Muhammadiyah dan Nahdlatul Ulama (NU). Selain itu, terdapat beberapa organisasi lain di luar Jawa seperti Nahdlatul Wathan, Sumatera Thawali, dan lain-lainnya. Menurut Badri Yatim (2006: 25) penubuhan organisasi-organisasi sosial keagamaan Islam dan organisasi-organisasi selainnya oleh kaum terpelajar membuktikan permulaan tumbuhnya benih-benih nasionalisme dalam pengertian moden yang dilakukan oleh pelajar-pelajar di Indonesia, sehinggalah wujudnya dari semasa ke semasa organisasi massa Islam seperti Persis, al-Irsyad, Jami'at Khair. Selain itu terdapat beberapa nama di luar Jawa, seperti Nahdlatul Wathan, Sumatera Thawali dan lain-lain.

Namun begitu organisasi Muhammadiyah dan NU lebih terkenal dalam kalangan masyarakat secara meluas berbanding organisasi-organisasi lain. Hal ini menyebabkan kedua-dua organisasi tersebut sering menjadi tumpuan para pengkaji oleh para ilmuan tempatan mahupun antarabangsa. Organisasi terbesar masyarakat Islam di Indonesia iaitu Muhammadiyah diasaskan oleh Kiyai Ahmad Dahlan pada tahun 1912 adalah satu usaha untuk mengekang umat Islam daripada mengalami kemunduran dan kebekuan dalam berfikir terutamanya melibatkan kepercayaan kepada perkara tahyul, amalan-amalan bidaah dan khurafat. Di samping itu, ia juga menjadi media gerakan dakwah yang memberi pendedahan kepada masyarakat Islam di Indonesia. Manakala NU pula ditubuhkan pada tahun 1926 oleh persatuan Kiyai-Kiyai di Jawa Timur melalui pelbagai konflik antaranya ialah berlakunya perbezaan pendapat antara K.H. Wahab Chasbullah dengan K.H. Mas Mansyur dalam persatuan Taswir al-Afkar atau Nahdlatul Wathan 1916.

Berdasarkan permasalahan tersebut, maka timbul beberapa persoalan antaranya, bagaimanakah asal usul munculnya gerakan Muhammadiyah dan NU di Indonesia? Oleh itu, kajian ini menekankan kepada aspek mengenalpasti asal usul kemunculan gerakan

Muhammadiyah dan NU dengan memberi tumpuan kepada sejarah perbezaan antara kedua-dua organisasi tersebut. Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif secara deskriptif berdasarkan pengumpulan maklumat dan data kajian seperti ucapan, tulisan dan pemerhatian terhadap responden. Kajian kualitatif ini bertujuan mendapatkan maklumat secara umum terhadap realiti sosial dari perpektif partisipan (Bogdan & Biklen, 1992: 21-22). Kajian dari perspektif partisipan ini bersifat deskriptif analitikal iaitu pengumpulan data yang sesuai dengan fakta sebenar dan seterusnya menganalisis data sehingga menunjukkan perbandingan secara jelas (Siti Zuhro, 2009:12) daripada dua atau lebih entiti.

## **PERBEZAAN ASAL USUL GERAKAN MUHAMMADIYAH DAN NU**

Perbezaan asal usul gerakan Muhammadiyah dan NU bermula dengan meneliti perbezaan tentang sejarah asal usul gerakan dan penubuhan organisasi, karya penulisan, tempat kelahiran pengasas organisasi, pekerjaan, langkah-langkah monumental pengasas, proses penubuhan organisasi dan faktor-faktor yang menyokong Institusi Pendidikan Muhammadiyah dan NU di Indonesia.

### **Asal Usul dan Penubuhan Organisasi**

Muhammadiyah ditubuhkan pada tahun 1912 oleh Kiyai Ahmad Dahlan di Yogyakarta. Ia bermula dengan penubuhan lembaga pendidikan pada tahun 1911. Penubuhan tersebut adalah berdasarkan empat faktor yang dititik beratkan iaitu: “Pertama, memurnikan ajaran Islam dengan membersihkan amalan dan pengaruh yang bukan dari ajaran Islam. Kedua, pembaharuan ajaran dan pendidikan Islam. Ketiga, pembaharuan doktrin-doktrin dengan pandangan alam fikiran moden. Keempat, mempertahankan Islam daripada pengaruh dan serangan luar. (Yusran Asmuni, 2001:100). Faktor penubuhan tersebut adalah berdasarkan amalan tradisi ritual keagamaan di desa Kauman berdasarkan petunjuk oleh penghulu Keraton dan amalan umat Islam yang tidak bersumber yang diadaptasikan dari luar ajaran Islam. Sebagai contoh, ketika berlakunya kematian, masyarakat akan mengadakan kenduri kematian dan bacaan tahlil serta Yasin mengikut bilangan hari ke 1-3, 7, 40, 100, dan 1000. Biasanya kaum keluarga si mati akan menyediakan pelbagai jenis *sesajen* (jamuan untuk Roh) dengan kos yang sangat besar walaupun terpaksa berhutang bagi mengelakkan daripada dikutuk dan diperkatakan dalam kalangan jiran tetangga yang kurang memahami ajaran agama Islam yang sebenar (Abdul Aziz, 2012).

Amalan tersebut sebenarnya diamalkan secara tradisi sebelum Islam seperti yang terkandung dalam kitab *Bagawatgita* (*Kitab Bagawatgita*, t.th: 7: No. 22) iaitu: “Bagi mereka yang masih menginginkan kehidupan [dan] hasil/rezeki di dunia akan mengada pemujaan dan persembahan kepada para dewa”, maka “Diberkati dengan kepercayaan itu, dia mencari penyebab apa yang dicita-citakan” (Kitab Weda Smerti, t.th.:99 no. 192 dan Lois de Manou, 1833:99,192-193). Pengamalan ajaran Islam yang bercampur baur antara amalan yang dituntut dalam Islam dengan amalan agama lain inilah yang ingin dikikis oleh Kiyai Ahmad Dahlan melalui penubuhan gerakan tersebut. Oleh itu, beliau mengambil inisiatif memberi pendedahan kepada masyarakat melalui pemahaman agama yang sebenarnya. Di samping itu, ia juga disebabkan faktor penindasan penjajah Belanda yang menginginkan rakyat Indonesia meneruskan amalan khurafat dan jahil dalam agama menyebabkan masyarakat Indonesia semakin tertekan dengan amalan-amalan tersebut. Lantaran itu, K.H. Ahmad Dahlan mula merombak (*reshuffle*) pemikiran beliau dengan menggunakan akal fikiran yang cerdas berteraskan sumber agama yang benar untuk membebaskan rakyat daripada dibelenggu penjajah Belanda mahupun oleh penghulu agama peribumi yang masih melakukan amalan yang tidak benar. Di samping itu, beliau juga ingin membebaskan masyarakat Islam Indonesia daripada

dibelenggu kemunduran disebabkan sikap kejumudan dalam berfikir dan masih berpegang kepada amalan sesat seperti tahyul, bidaah, dan khurafat. Firman Allah taala yang bermaksud:

*“Dan janganlah kamu menyembah apa-apa yang tidak memberi manfaat dan tidak (pula) memberi mudharat kepadamu selain Allah”*

*(Yunus: 10: 10)*

Dan firmanNya lagi yang bermaksud:

*“sebab jika kamu berbuat (yang demikian) itu, maka sesungguhnya kamu kalau begitu termasuk orang-orang yang zalim.”*

*(Ghafir: 40: 60).*

Berdasarkan alasan tersebut, Kiyai Ahmad Dahlan mempunyai gagasan untuk membentuk lembaga pendidikan dan kemudian menubuhkan organisasi Muhammadiyah sebagai media gerakan dakwah yang bertujuan membebaskan bangsa Indonesia dari permasalahan tersebut. Faktor inilah yang membezakan antara asas penubuhan gerakan Muhammadiyah dengan NU.

Penubuhan NU pula diasaskan oleh persatuan Kiyai-Kiyai pada tahun 1926 di Jawa Timur. Asas penubuhannya adalah berdasarkan beberapa konflik yang timbul apabila berlakunya perbezaan pendapat antara K.H. Wahab Chasbullah dengan K.H. Mas Mansyur di persatuan Taswir al-Afkar atau Nahdlatul Wathan pada tahun 1916. Sebenarnya, persatuan Taswir al-Afkar ditugaskan untuk mendidik kader-kader militan dalam memperjuangkan kemerdekaan Indonesia oleh K.H. Mas Mansur dengan K.H. Abdul Wahab Hasbullah. Mereka menubuhkan Nahdlatul Watan yang bermaksud pergerakan tanah air yang secara rasminya pada tahun 1916. Pada waktu itu K.H. Wahab Hasbullah bertindak sebagai dewan guru (keulamaan). Ketua madrasah pula dipegang oleh K.H. Mas Mansur dengan dibantu oleh K.H. Ridwan Abdullah dan telah menimbulkan pelbagai konflik sehingga memaksa K.H. Mas Mansur keluar dari Nahdlatul Watan lalu bergabung dengan Muhammadiyah. [Komunitas Pengrajin Kata 2012].

Seterusnya berkaitan dengan wujudnya perbezaan fahaman antara K.H. Mas Mansur dan K.H. Abdul Wahab Hasbullah ini sebenarnya berlaku pada tahun 1921, iaitu lebih kurang dua tahun selepas penubuhan persatuan Taswir al-Afkar atau Nahdlatul Wathan. Kemudian barulah K.H. Mas Mansyur menyatakan keluar dari institusi tersebut. Pada tahun 1926, muncul pula konflik dalam Kongres al-Islam Hindia Timur apabila menerima pelawaan Raja Ibn Saud di Mekah untuk menghadiri Muktamar al-Alam al-Islami Far'ul Hindisy Syarkiah. Pada waktu itu, organisasi Islam di Indonesia yang beroperasi dan sering disebut oleh dunia Islam iaitu Sarekat Islam (SI) dan Muhammadiyah. Konflik jemputan Raja Ibn Saud tersebut yang berlaku pada tahun 1926, telah memaksa masyarakat Islam Indonesia turut serta mengadakan kongres sendiri bertempat di Surabaya. Kongres tersebut membincangkan tentang siapakah yang akan mewakili umat Islam Indonesia bagi memenuhi jemputan Raja Ibn Saud. Setelah mengadakan 3 kali pertemuan, akhirnya barulah diputuskan Haji Umar Said Cokroaminoto (SI) dan Kiyai Haji Mas Mansyur (Muhammadiyah) sebagai wakil ke kongres tersebut. Mereka telah diamanahkan membawa identiti bendera Muktamar al-Alam al-Islami Far'ul Hindisy Syarkiah, Kongres al-Islam Hindia Timur mewakili semua pertubuhan dan persatuan umat Islam Indonesia (Soebagijo, 1982: 30-31). Namun demikian, hasil keputusan tersebut tidak dipersetujui oleh K.H. Abdul Wahab Chasbullah terutamanya berkaitan dengan individu yang akan mewakili pertubuhan umat Islam Indonesia ke Mekah dengan anggapan bahawa beliau adalah individu terpenting yang berusaha menyokong penubuhan dan pembangunan organisasi sebagai wadah menggalang ulama sebagaimana usaha yang dilakukan beliau keatas K.H. Hasyim Asy'ari yang akhirnya ditolak. K.H. Hasyim Asy'ari bimbang dengan tertubuhnya persatuan tersebut maka ia sebenarnya akan menghangatkan lagi perselisihan faham di mana akhirnya membawa kepada perpecahan dalam kalangan umat Islam.

Sungguhpun demikian, faktor penolakan K.H. Muhammad Hasyim Asy'ari sebagai wakil kongres bukanlah menjadi penghalang utama yang membuatkan K.H. Abdul Wahab Chasbullah berputus asa. Oleh itu, beliau berusaha mencari sokongan dengan menjemput beberapa orang ulama hadir ke rumahnya bagi mencapai kata sepakat dan sokongan untuk membentuk gerakan mewakili kaum tradisional. Antara ulama yang hadir dalam pertemuan tersebut ialah K.H. Muhammad Hasyim Asyaari, K.H. Abdul Wahab Chasbullah, K.H. Bisri Sansuri (Jombang), K.H. Ridwan Abdulloh (Surabaya), K.H. Asnawi (Kudus), K.H. Ma'sum(Lasem), K.H. Nawawi (Pasuruan), K.H.Nahrowi (Malang), K.H. Abdul Aziz (Surabaya) dan lain lain [Fery Ibn al-Uraydhi al-Bantani, 2012]. Pada peringkat awal, K.H. Hasyim Asy'ari telah menolak pelawaan tersebut namun akhirnya turut bersetuju. Di samping itu, K.H. Hasyim Asy'ari juga turut berbincang dengan gurunya K.H. Muhammad Kholil di Bangkalan Madura akan cadangan membentuk sebuah Jamiyyah dan beliau K.H. Muhammad Kholil memberi isyarat kepada muridnya (K.H. Hasyim Asy'ari) dengan sebuah tongkat sebagai isyarat bahawa beliau merestui cadangan tersebut. Di akhir pertemuan perbincangan lebih menumpukan kepada isu utama berkaitan keruntuhan sistem khilafah di Mekah. Hasilnya, mereka sebulat suara bersetakat membentuk sebuah jawatankuasa baru yang terbentuk pada 4 Oktober 1926 di Surabaya dan diketuai oleh Wondosoedirdjo (Wondoamiseno) daripada Sarekat Islam (SI) dan K.H. A. Wahab Chasbullah sebagai Wakil ketua. Manakala ahli jawatankuasa pula terdiri daripada Suryopranoto (SI), Haji Fakhruddin (Muhammadiyah) dan K.H. A. Wahab Chasbullah dari kalangan tradisional (Soebagijo, 1982: 30-31). Ia bertujuan supaya isu tersebut dibahaskan dan dibincangkan dalam kongres khilafah di Mekah. Penubuhan Jamiyyah tersebut akhirnya dipersetujui dan diberi nama Nahdlatul Oelama (NO) atau sekarang dikenali sebagai NU, pada 31 Januari 1926 bersamaan dengan 16 Rejab 1334 H.

### **Karya Penulisan dan Tempat Kelahiran Pengasas Organisasi**

Kiyai Ahmad Dahlan sebenarnya bukanlah terkenal sebagai seorang penulis ataupun pengarang masyhur seperti K.H. Muhammad Hasyim Asy'ari. Hal ini terbukti apabila Kiyai Ahmad Dahlan tidak mempunyai karya penulisan yang boleh dijadikan sebagai panduan dan rujukan dalam perjuangannya. Hal ini berbeza dengan K.H. Muhammad Hasyim Asy'ari yang sentiasa bersemangat dalam berkarya bagi mengembangkan cita-citanya (Thalhah Hasan, 2002: 76). Dalam karya penulisannya, "K.H. Muhammad Hasyim Asy'ari kerap kali mengungkap gagasan-gagasan berkaitan dengan mazhab yang dipegangnya sebagai dasar pemikiran dalam mengendalikan pendidikan pesantrennya" (Affandi Mochtar, 1993: 22-23). Sedangkan kedua-duanya mempunyai idealisme dan perjuangan yang sama namun hanya berbeza dari sudut pemahaman pembaharuan ajaran agamanya. Kekurangan yang dimiliki oleh K.H. Ahmad Dahlan ialah beliau tidak memiliki karya penulisan yang banyak sebagaimana K.H. Muhammad Hasyim Asy'ari. Namun, kelebihan K.H. Ahmad Dahlan pula beliau ialah dapat mengamal apa yang dicita-citakannya iaitu membentuk sebuah organisasi seperti mengasas pertubuhan Muhammadiyah disamping mengangkat nama-nama agung dalam gerakan Islam seperti Ibn Taimiyah, Jamaludin al Afghani dan Muhammad Abduh. Gagasan yang ditubuhkan oleh Kiyai Ahmad Dahlan turut dikenali sebagai gagasan yang dipengaruhi oleh ulama-ulama tersebut melalui organisasinya yang bersifat amali dengan mengembangkan gagasan dan fikiran sekaligus mewujudkan fasiliti sendiri sebagai penyokong bagi merealisasikan gagasan dan fikirannya. (Maman A. Majid Binfas, 2003: 29). Sementara itu, K.H. Muhammad Hasyim Asy'ari sebagai salah seorang anggota NU telah menubuhkan pesantren Tebu Ireng di daerah Jombang, Jawa Timur pada tahun 1906 yang menekankan corak pemikiran pendidikan Islam ala Syafi'iyah dan mengetengahkan nilai-nilai estetika berpandukan idea pemikiran Imam al-Ghazālī sebagaimana yang

tergambar di dalam “*Kitab Adab al-Alim wa al-Muta’allim*” iaitu merumuskan pendidikan pada setiap manusia bertujuan mendekatkan diri kepada Allah s.w.t.” (Ahmad Taufik, 2005:140) sebagai insan yang mendapatkan kebahagiaan dalam kehidupan dunia dan akhirat.

Berdasarkan tinjauan pengkaji, K.H. Ahmad Dahlan dilahirkan di daerah Kauman Yogyakarta pada tahun 1868 M/1285 H dan meninggal dunia pada 23 Februari 1923 M bersamaan dengan 7 Rejab 1340 H ketika berusia 55 tahun. Beliau berasal daripada keluarga yang dihormati dan terkenal dalam ilmu agama. Bapanya K.H. Abu Bakar merupakan seorang imam dan khatib di Masjid Besar Keraton Yogyakarta. Manakala K.H. M. Hasyim Asy’ari dilahirkan pada 24 Zulkaedah 1287 H bersamaan dengan 14 Februari 1871 M di Kampung Gedang, Jombang Jawa Timur. Beliau meninggal dunia pada 26 Julai 1947 M bersamaan dengan 7 Ramadhan 1366 H ketika berusia 79 tahun akibat tekanan darah tinggi (Muhammad Rifa’i, Op. cit.: 38-39). KH. M. Hashim Asy’ari atau nama sebenarnya Muhammad Hasyim Asy’ari bin Abdul Wahid bin Abdul Halim bin Abdullah bin Abdul Aziz bin Abdul Fatih bin Maulana Ishaq berasal dari Raden Ain Al-Yaqin atau dikenali dengan panggilan Sunan Giri. (Lathiful Khuluq, 2001:14-15).

### **Kerjaya Pengasas Pertubuhan**

K.H. Ahmad Dahlan mendapat gelaran Kiyai dalam kalangan masyarakat sekembalinya dari Mekah pada tahun 1894. Sejak itu, beliau dikenali dengan panggilan Kiyai Haji Ahmad Dahlan dan ditabalkan oleh Sri Sultan Agung (Sultan Hamengkubuwono VII) sebagai khatib di Masjid Besar Kauman Yogyakarta dengan gelaran Khatib Amin (Deliar Noor, 1980: 99). Atas gelaran tersebut maka beliau diwajibkan sebulan sekali untuk menyampaikan khutbah di Masjid Agung. Di samping mengajar di suraunya, beliau turut memiliki gedung perniagaan batik yang berjaya. Perniagaannya telah berkembang ke beberapa buah bandar di Jawa sehingga ke Medan, Sumatera. Sikapnya yang amanah dan penuh penghayatan agama menjadikan beliau amat disukai oleh para Kiyai. Beliau turut digelar oleh para Kiyai sebagai *Ketib* (khatib) Amin atau Tibamin iaitu khatib yang dipercayai (Mukti Ali, 1975: 30). Oleh itu, beliau semakin mendapat tempat dan kepercayaan para kiyai dan usahawan muslim di luar Yogyakarta sehingga pernah ditawarkan sebagai khatib di masjid Medan walaupun beliau bukan dari kalangan penduduk tempatan (Junus Salam, 1968: 8). Para kiyai pengasas NU di samping sebagai para khatib di kalangannya juga mengasuh dan mengajar di pesantren yang ditubuhkan oleh kalangan mereka sendiri atau datuk nenek mereka. Hal yang sama turut dilakukan oleh K.H. Muhamad Hasyim Asy’ari sekembalinya dari Mekah tahun 1899/1900. Beliau “kembali mengajar di pesantren ayah dan datuknya selama beberapa ketika dan mengajar matapelajaran agama kepada para santrinya” (Abdurrahman Mas’ud, 2007: 57-58).

### **Sejarah Pengasas Muhammadiyah dan NU**

Walaupun K.H. Ahmad Dahlan dianggap sebagai salah seorang tokoh Nasional yang dihormati kerana ketinggian ilmunya, namun pembaharuan yang ingin diterapkan oleh beliau dalam masyarakat muslim berkaitan persoalan memperbaiki dan meluaskan fahaman dalam urusan ibadah, telah menimbulkan kekeliruan dan ketegangan. Beliau dituduh sebagai penyebar fahaman Islam aneh walaupun sebenarnya masyarakat tidak terdedah dan tidak mengetahui keadaan yang sebenar. Hal ini mungkin disebabkan beliau terpengaruh ketika menuntut ilmu di Mekah kerana hampir kesemua ulama yang pulang dari menuntut ilmu di Mekah dan Mesir pada awal kurun ke-20 termasuk Kiyai Haji Ahmad Dahlan sendiri terdedah kepada fikrah tajdid seperti Shaykh Muhammad Abduh, Sayyid Jamaluddin al-Afghani dan Sayyid Rashid Redha. Meskipun mereka berguru dengan imam-imam bermazhab Syafii seperti Shaykh Ahmad Khatib dari Minangkabau di Mekah merangkap

guru kepada KH. Hasim Asy'ari, namun sikap keterbukaan terhadap pelbagai mazhab feqah dan aliran pemikiran Islam moden disalah anggap oleh masyarakat.

Pendedahan dan keterbukaan ini dilihat dalam kalangan ulama-ulama yang kembali ke tanah air pada zaman tersebut seperti H. Agus Salim yang mendapat *personal coaching* daripada Shaykh Ahmad Khatib. Ulama-ulama yang disebut membawa aliran "kaum muda" seperti Shaykh Abdul Karim Amrullah (HAMKA), Shaykh Jamil Jambek, Shaykh Abbas Abdullah, Sayyid Shaykh al-Hadi dan Shaykh Tahir Jalaluddin dan lain-lain lagi. Mereka dianggap sebagai ulama pembaharuan yang tidak mengongkong diri kepada mazhab tertentu. Mereka juga dianggap mementing ilmu moden yang dikuasai oleh barat (Junus Salam, 1968: 12; Hafidzi, 2012), memerangi bidaah dan mana-mana amalan yang tidak mempunyai asas dalam syariat, menolak taqlid dan menggalak ijtihad dalam isu-isu terkini yang dihadapi umat Islam (Junus Salam, 1968: 12). Ia juga termasuk hal-hal pembaharuan Islam yang cukup murni dari Kiyai Ahmad Dahlan hasil pemahaman dan pengamalan isi kandungan surah al-Ma'un. Langkah monumental dalam wacana Islam kontemporari ini dikenali dengan "teologi transformatif" kerana Islam bukan sekadar terhad dalam upacara ibadah dan hubungan dengan Allah (hablu minallah) semata-mata tetapi turut memberi perhatian dan terlibat dalam menyelesaikan masalah-masalah konkrit yang dihadapi manusia. Inilah teologi saranan khas K.H. Ahmad Dahlan dalam membentuk gagasan dan pembaharuan yang disalah anggap oleh masyarakat.

Di samping itu, beliau juga turut memberi perhatian dalam usaha menghalang umat Islam daripada menjadi mangsa korban misi Zending Kristian. Beliau menggunakan pendekatan berhikmah iaitu mengajak pendeta Kristian untuk berdialog dan berdebat secara langsung dan terbuka. Kiyai Ahmad Dahlan juga menganjurkan umat Islam untuk mengkaji semua agama secara rasional bagi mencari kebenaran dalam ajaran-ajaran tersebut. Kiyai Ahmad Dahlan juga beranggapan bahawa dialog berkaitan agama Kristian boleh dilakukan di Masjid (Achmad, 2002:78). Beliau turut menggunakan pelbagai pendekatan termasuk berkelah, bersukan, menyanyi dan bermain muzik bagi membuka minda dan meluaskan pandangan anak muridnya. Alat-alat muzik yang digunakan pula tidak terbatas kepada gendang *percussion* sahaja tetapi turut diberi kebebasan menggunakan alat-alat muzik moden lain seperti accordion dan sebagainya. Bahkan Kiyai Haji Ahmad Dahlan sendiri amat mahir bermain biola (Usman Yatim & Hamid, 1993: 22). Apa yang lebih menarik ialah pendekatan beliau tersebut berjaya mengubah lagu-lagu gereja kepada nasyid dengan memberi nafas baru dalam Islam. Keadaan ini bagaimanapun telah menimbulkan ketegangan sehingga ke peringkat cacian sehingga pernah suatu ketika surau tempat beliau mengajar kerap kali menjadi sasaran balingan mercun (Usman Yatim & Almisar, 1993: 22). Bahkan beliau juga sering dihalang di tengah jalan dan dilontarkan dengan pelbagai cercaan dan ejekan oleh para santri dari surau-surau berhampiran. Di antara ejekan tersebut ialah sebagaimana yang berikut:

"Suatu masa ada seorang guru ngaji (mengajar membaca al-Qur'an) yang sengaja datang dari Magelang untuk mengejek Kiyai Haji Ahmad Dahlan kerana cara beliau mengajar pelajar-pelajar duduk di atas kursi dan menggunakan meja menyamai pendidikan ala penjajah Belanda. Beliau lantas bertanya guru ngaji tersebut... "Maaf saudara, saya ingin tanya lebih dulu, saudara datang dari Magelang ke sini tadi berjalan kaki atau kereta api? Lalu guru ngaji menjawab dengan kereta api kiyai.., lalu jawab kiyai: kalau begitu apabila saudara pulang ke Magelang, sebaiknya berjalan kaki sahaja. Dengan kehairanan guru ngaji bertanya "mengapa"? Lalu Kiyai menjawab "kalau saudara naik kereta api, bukankah ia peralatan orang kafir?"

(Solichin Salam, 1963:77-78).

Selain itu, kisah yang menjadi kontroversi terbesar oleh Kiyai Haji Ahmad Dahlan ialah berkaitan perubahan kiblat Masjid Agung Keraton Yogyakarta. Berdasarkan ilmu

matematik dan ilmu astronomi yang dipelajarinya di Mekah dari Kiyai Jambek, arah kiblat sepatutnya condong ke utara sebanyak 24.5 darjah. Sejak sekian lamanya masyarakat Islam di Pulau Jawa menghadap kiblat ke bahagian Barat oleh kerana kedudukan Mekah di sebelah barat Jawa. Namun menurut Kiyai Haji Ahmad Dahlan arah kiblat tersebut perlu diubah kerana ia berkait rapat dengan kesempurnaan ibadat solat. Untuk itu, beliau telah menjemput para ulama dalam sebuah pertemuan pada tahun 1898 khusus membincangkan persoalan penentuan arah kiblat (Mt Arifin, 1987: 87). Meskipun dalam pertemuan tersebut tidak mencapai kata sepakat namun Kiyai Haji Ahmad Dahlan berjaya memaparkan isu kedudukan arah kiblat sebagaimana yang dimaksudkan dimana kemudiannya ia menjadi pertimbangan para ulama di sekitar Yogyakarta.

Kiyai Haji Ahmad Dahlan juga telah memanfaatkan masanya untuk berdialog dengan Sayyid Utsman al-Habsyi mengenai kemudahan menggunakan balai cerap (*observatorium*) bagi membuktikan ketepatan penentuan arah kiblat. Kiyai Haji Ahmad Dahlan juga telah membaiki sistem takwim Jawa berkaitan penentuan tarikh Hari Raya Aidil Fitri atau lebih dikenali dalam masyarakat Jawa sebagai Hari Raya Puasa atau *Grebeg Pasa*. Hal ini terbukti melalui penjelasan daripada Mt Arifin:

“Hari Raya Puasa disebut sebagai Grebeg Pasa ditentukan menurut kebiasaan sistem takwim Jawa yang biasa disebut Aboge (singkatan kepada A atau tahun Alif), tahun satu dalam kiraan Tahun Jawa disebut bo (singkatan kepada rebo atau rabu dan gesengkatan kepada wage). Hari Raya menurut kepercayaan kejawan ditetapkan pada hari rebo wage (rabu). Oleh itu, beliau menghadap Sultan untuk menjelaskan kaedah penentuan satu syawal berdasarkan kemunculan hilal (anak bulan) dan hisab. Maka Kiyai Haji Ahmad Dahlan mempersembahkan kepada Sultan agar mengistiharkan Hari Raya Puasa berdasarkan kaedah ini. Sultan berpuas hati dengan penjelasan Kiyai Haji Ahmad Dahlan dan mulai saat itu, 1 syawal sentiasa disambut menurut syariat Islam meskipun jatuhnya pada tahun Alif Jawa. Pencapaian ini adalah satu pencapaian terbesar memandangkan Sultan mempunyai kekuasaan absolut dan mendapat sokongan masyarakat Islam sinkretis (kejawan) serta kelompok kauman yang tradisional”

(Mt Arifin, *ibid.*:89-90, 110).

Pendekatan Kiyai Ahmad Dahlan sangat wajar dijadikan satu model pergerakan dakwah dalam masyarakat hari ini di mana keadaan masyarakat kini tidak sunyi dari pelbagai bentuk tafsiran dan amalan menyimpang kesan saki baki tinggalan adat istiadat mahupun penyerapan unsur-unsur jahiliyah moden dari Timur dan Barat. Hal inilah yang membezakan kaedah penentuan satu Syawal dalam kalangan kiyai-kiyai NU. Penentuan satu Syawal dalam kalangan NU adalah berdasarkan kepada kemunculan hilal (anak bulan) berdasarkan kaedah rukyah (melihat secara langsung dengan mata kasar atau menggunakan peralatan) akan tetapi penetapan Hilal (anak bulan sabit) melalui mata kasar kadang-kadang tidak dapat dilakukan kerana sukar dilihat dan kedudukannya sangat sensitif yang memerlukan penelitian lebih di ufuk sebelah barat. Berkenaan dengan Rukyah dan Hilal ini, masyarakat di Indonesia kerap kali berbeza pendapat dalam menentukan 1hb. Ramadhan terutama dalam kalangan aliran pemikiran Muhammadiyah, NU dan Pemerintah Indonesia. Pemerintah Indonesia melalui Kementerian Agamanya turut serta terlibat dalam memutuskan tarikh 1 Syawal (menggunakan kaedah Rukyah dan Hilal) melalui jawatankuasa sidang ishbath setiap tahun.

Di samping itu, pendekatan yang dilakukan oleh K.H Ahmad Dahlan pada tahun 1909 adalah menyebarkan pengetahuan agama kepada umat Islam dengan sentiasa memberikan pendedahan dan pencerahan. Beliau telah berganding bahu dan bergabung dengan organisasi Jamiyatul Khair di bawah pendaftaran keahlian 770 (Deliar Noer, 1980: 86), ahli teras Sarekat Islam (SI) dan Budi Utomo bagi memberi pendedahan tersebut. Ketika bergabung dengan Budi Utomo, K.H. Ahmad Dahlan telah memberi perhatian utama untuk memasukkan dimensi agama dalam organisasi bersifat sekular tersebut dengan harapan



supaya beliau dapat diserap sebagai guru agama di sekolah-sekolah yang diasaskan oleh pemerintah penjajah Belanda termasuk pejabat-pejabat pemerintahan ketika itu. Usaha tersebut telah berjaya apabila beliau diangkat menjadi guru agama di sekolah rakyat pemerintahan (Kweekschool) di Jetis dan sekolah Pamong Praja, OSVIA (*Opleiding school voor Inlandsch Amtenaren*) di Magelang (Zuhairini, 1995: 201). Sikap rasional dan tradisional (tidak jumud) dalam menterjemahkan ajaran Islam serta keterlibatan beliau secara aktif menjadi alasan penerimaan beliau dalam ahli Budi Utomo walaupun selepas penubuhan gerakan Muhammadiyah (Deliar Noer, 1980: 86). Oleh itu, keunikan mengenai kisah hidup dan perjuangan K.H. Ahmad Dahlan sebagai pengasas gerakan Muhammadiyah diangkat ke layar lebar dengan judul "*Sang Pencerah*" pada tahun 2010 hasil karya Hanum. Manakala bagi pertubuhan NU yang terdiri daripada persatuan kiyai-kiyai, hanya K.H. Hasyim Asy'ari sahaja yang berjaya diangkat ke layar lebar oleh PT. Rapi bertajuk "Sang Kyai di Kediri, Jawa Timur pada tahun 2012. Hal ini kerana K.H. Hasyim Asy'ari dianggap berperanan besar dalam perjuangan para santri melawan sekutu dengan mengeluarkan fatwa Resolusi Jihad. Imbauan dan ajakan beliau telah membakar semangat para pejuang untuk berjihad melawan para penjajah sehingga mencetus perang besar pada 10 November 1945 di Surabaya. Bagi Kiyai Haji Hasyim Asy'ari, beliau telah mengembangkan Islam melalui institusi pesantren dan organisasi sosial keagamaan. Beliau yang aktif dalam organisasi politik menganggap bahawa ia adalah salah satu strategi berguna menentang penjajah Belanda. Dengan sikap konfrontatif terhadap penjajah Belanda dan beranggapan bahawa kesemua produk keluaran Barat dianggap haram kerana penjajah Belanda dan orang Barat kebanyakannya beragama Kristian serta menolak sebarang bentuk penghargaan dari pemerintah penjajah Belanda. Ketika zaman penjajahan Jepun, beliau ditahan dan diasingkan ke Mojokerto namun dibebaskan atas jaminan KH. Mas Mansyur (Wirjoatmodjo, 1958:27).

Langkah-langkah perjuangan yang dilakukan persatuan kiyai-kiyai NU sebagai proses kreativiti agresif bersejarah apabila berjaya menubuhkan suatu jawatankuasa yang membincangkan mengenai Hijaz. Ahli jawatankuasa ini ditubuhkan atas dua faktor iaitu "mengimbangi ahli jawatankuasa Khilafah secara beransur-ansur jatuh ke dalam kalangan golongan pembaharuan dan menyeru kepada Ibn Saud, penguasa baru di Arab Saudi bahawa amalan kebiasaan dalam agama dapat diteruskan" (Deliar Noer, 1973: 242). Pemohonan tersebut kemudian dijawab secara rasmi melalui surat balas Raja Saudi kepada NU bernombor 2082 –24 Zulhijjah 1346 H. Di antara isi kandungan surat tersebut adalah seperti berikut:

"... Adapun berkenaan dengan usaha mengatur wilayah Hijaz, maka hal tersebut merupakan urusan dalam negeri Kerajaan Arab Saudi dan Pemerintah telah berusaha semaksimum mungkin untuk memberi segala kemudahan kepada jemaah haji di Tanah Suci dan tidak pernah melarang seorang pun untuk melakukan amal baik yang bersesuaian dengan syariat Islam. Adapun berkenaan dengan kebebasan individu maka hal tersebut merupakan suatu kehormatan dan alhamdulillah kesemua umat Islam bebas melakukan urusan mereka kecuali dalam hal-hal yang diharamkan Allah atau yang tidak mempunyai dalil yang menghalalkan perbuatan tersebut sama ada dari al-Quran mahupun Sunnah ... ."

Daripada surat jawapan rasmi Raja Saudi kepada NU dengan No: 2082 – 24 Zulhijjah 1346H tersebut kepada kiyai-kiyai dan ahli-ahli di kalangan NU, ia dianggap sebagai anugerah luar biasa kepada ahli NU dan mereka sangat berpuas hati. Ia juga menjadi sejarah berharga dalam menyokong semangat juang dan tindak balas secara kreatif pada peringkat permulaan.

### **Proses Cemerlang dan Faktor-Faktor Lahirnya Pendokong**

Gerakan Muhammadiyah bermula pada tahun 1911 selepas K.H. Ahmad Dahlan mendirikan Madrasah Ibtidaiyyah Diniyyah Islamiyyah. Madrasah tersebut menempatkan ruangan tamu beliau yang memuatkan beberapa buah perabot seperti meja, kerusi panjang dan papan tulis. Madrasah tersebut juga memberikan penekanan kepada aspek pengetahuan umum dan matapelajaran agama dalam kelas. Pada peringkat awal penubuhan, sistem pengajian yang berlangsung di madrasah tersebut telah menyebabkan kanak-kanak berasa asing dan janggal. Namun, lama kelamaan mereka mula meminati dan menarik perhatian. Hasil maklum balas dan respon dari pelajar tersebut menyarankan agar K.H. Ahmad Dahlan menambah baik sekolah yang diasaskannya supaya dikendalikan di bawah sebuah organisasi. Hal ini bagi memastikan ia terus kekal diurus oleh organisasi tersebut sebagai wadah untuk melaksanakan cita-citanya dalam meluruskan pemahaman Islam (Solichin Salam, 1963: 36-37). Bagi merealisasikan cadangan tersebut, K.H. Ahmad Dahlan tidak melakukan secara terburu-buru sebaliknya mengambil langkah yang progresif dengan melakukan solat istikharah terlebih dahulu. Setelah benar-benar mendapatkan keyakinan yang jitu barulah ia dilaksanakan dan menamakan kumpulan tersebut sebagai Muhammadiyah (bermaksud umat Muhammad atau pengikut Muhammad s.a.w. Nabi terakhir). Oleh sebab baginda Muhammad s.a.w. merupakan utusan Tuhan yang terakhir, maka beliau “berharap Muhammadiyah juga turut menjadi kumpulan yang penghabisan” (Solichin Salam, 1963: 39). Beliau juga berharap agar umat Islam dan ahli Muhammadiyah hidup dalam suasana kehidupan beragama dan bermasyarakat serta dapat menyesuaikan diri mengikut jejak langkah peribadi Nabi Muhammad s.a.w. Di samping itu, ia juga diharap dapat menjadi jalan bagi mencapai pembaharuan dan berfikir serta beramal mengikut tuntunan agama Islam sesuai dengan saranan al-Quran dan al-Hadis. Pada 18 November 1912 bersamaan dengan 8 Zulhijjah 1330 H, maka secara rasminya tertubuhlah organisasi gerakan Muhammadiyah. Kemudian barulah disusuli dengan gagasan organisasi Muhammadiyah selepas didirikan institusi pendidikan sebagaimana dihuraikan sebelum ini. Ini menunjukkan bahawa institusi pendidikan mentarbiah akal yang cerdas lebih utama dibangunkan sebelum membentuk institusi organisasinya sebagai wadah gerakan. Ini kerana dalam memperjuangkan gagasan yang cemerlang terlebih dahulu kecerdasan akal fikiran perlu diutamakan supaya gerakan tersebut berjalan dengan lancar. Kemudian, barulah beliau mengumpulkan pengaruhnya mengunjungi ulama-ulama utama di daerah masing-masing. Gagasan penubuhan beliau ini bagaimanapun menjadi semakin kuat selepas menjadi ahli Budi Utomo dan dapat memberi pendidikan agama Islam kepada para pelajar Kweekschool (Sekolah Guru) di Jetis, Yogyakarta meskipun pelaksanaannya di luar waktu persekolahan (setiap petang hari Sabtu). Pembelajaran tersebut menggunakan metod induktif, ilmiah, naqliah dan soal jawab ternyata dapat menarik perhatian dan memuas hati pelajarnya. Ini membuatkan beliau semakin bersemangat melaksanakan gagasan dan mengasaskan organisasi Muhammadiyah sebagai gerakan pembaharuan yang dicita-citakan beliau sebelum ini.

Pada peringkat permulaan, K.H. Ahmad Dahlan telah membuat permohonan kepada pemerintah penjajah Hindia Belanda untuk mendapat badan hukum dan ia diluluskan pada tahun 1914 dengan Surat Ketetapan Pemerintah No. 81 pada 22 Ogos 1914. Melalui surat tersebut organisasi ini hanya berkuat kuasa di daerah Yogyakarta dan hanya boleh bergerak di wilayah Yogyakarta sahaja. Perkembangan organisasi tersebut sebenarnya telah menimbulkan kebimbangan kepada penjajah Hindia Belanda sehingga pergerakan organisasi tersebut dihalang. Walaupun kegiatan tersebut dihalang, namun gerakan organisasi Muhammadiyah di daerah lain seperti Srandakan, Wonosari, Imogiri dan sebagainya tetap berjalan lancar sesuai keadaan masing-masing melalui wakil yang dihantar Kiyai Ahmad

Dahlan. Gagasan ini ternyata mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan masyarakat seluruh pelusuk bandar di Indonesia sehingga ramai para ulama dari pelbagai daerah lain datang menyatakan sokongan dan dokongan kepada gerakan Muhammadiyah serta keinginan untuk mendirikan organisasi tersebut di tempat masing-masing.

Perkembangan gerakan Muhammadiyah semakin lama semakin berkembang sehingga meliputi hampir seluruh wilayah Indonesia. Oleh itu, pada 7 Mei 1921, Kiyai Ahmad Dahlan menghantar permohonan kedua kepada penjajah Hindia Belanda untuk menubuhkan cawangan gerakan pertubuhan Muhammadiyah di seluruh Indonesia. Pada 2 September 1921, permohonan ini diluluskan oleh pemerintah penjajah Hindia Belanda menyebabkan semangat Kiyai Ahmad Dahlan semakin bertambah untuk memperluaskan lagi gerakan Muhammadiyah yang diasaskannya. Semangat tulus ikhlas ini menjadi asas denyutan nadi Kiyai Ahmad Dahlan dalam menyerahkan diri kepada agama Rabbnya. Atas dasar keyakinan akan perintah Allah s.w.t. melalui pemahaman al-Quran yang bermaksud:

*“akan lahir sekumpulan manusia yang akan mengajak kepada Islam, menyuruh pada yang ma’ruf dan mencegah kemungkaran”.*

(Ali Imran 3: 104)

Berdasarkan ayat di atas semangat gerakan yang diasaskan beliau menjadi semakin kuat dan diharap dapat mengubah keadaan dengan melakukan gerakan pembaharuan. Gerakan pembaharuan yang dilakukan oleh Kiyai Ahmad Dahlan melalui gerakan Muhammadiyah menurut Djarnawi Hadikusuma telah menzahirkan Islam sebagai “sistem kehidupan manusia dalam segenap aspek”. Gerakan Muhammadiyah bukan hanya memandangkan ajaran Islam sebagai aqidah dan ibadah semata, akan tetapi ia meliputi keseluruhan berkaitan dengan akhlak dan muamalat duniawiyah. Selain itu, aspek aqidah dan ibadah harus direalisasikan dalam akhlak dan muamalat sehingga agama Islam benar-benar wujud dalam realiti kehidupan penganutnya. Oleh itu, “gerakan Muhammadiyah mulai bergerak dengan matang dan memperluas konsep pemahaman tentang agama Islam untuk diamalkan dalam sistem kehidupan yang sebenar” (H. Djarnawi Hadikusuma, t.th.: 69). Maka tidak hairanlah dalam masa yang singkat iaitu lebih kurang sepuluh tahun sejak mula ditubuhkan pada tahun 1912 hingga 1922, perkembangan organisasi Muhammadiyah telah berkembang dengan pantas.

Ia juga telah menghasilkan beberapa buah karya amal nyata iaitu (1) Majalah Suara Muhammadiyah (SM) pada tahun 1914. (2) Mengasaskan pengajian malam Jumaat sebagai forum dialog dan tukar-tukar fikiran antara warga Muhammadiyah dan masyarakat pada tahun 1917. Daripada forum tersebut lahirnya Korps Mubaligh keliling yang ditugaskan untuk memperbaiki kehidupan yatim piatu, fakir miskin dan masyarakat yang dilanda musibah. (3) Pada tahun 1918, diasaskan pula pengakap Hizwul Wathan (HW) diketuai oleh Haji Muhtar. Salah seorang daripada alumni HW tersebut adalah Jenderal Sudirman selaku panglima pertama Tentera Nasional Republik Indonesia. (4) Pada tahun 1918, diasaskan sekolah “*al-Qism al-Arqam*”. 2 tahun kemudian ia ditukarkan kepada Pondok Muhammadiyah di daerah Kauman, Yogyakarta. (5) Pada tahun 1920, diasaskan Panti Asuhan Yatim Piatu Muhammadiyah. (6) Pada tahun 1921, diasaskan badan yang membantu kemudahan dalam melaksanakan ibadah haji bagi rakyat Indonesia (pembantu Haji). (7) Ditubuhkan surau pertama di Indonesia khusus bagi kaum wanita untuk mendokong aktivitiinya.

Bagi merealisasikan ketujuh-tujuh objektif tersebut, maka Kiyai Ahmad Dahlan telah mendermakan harta bendanya termasuk melelong perabot di rumahnya bagi menampung keperluan pembiayaan gerakan Muhammadiyah. Beliau juga secara terus menerus menubuhkan dan mengasaskan cawangan Muhammadiyah di seluruh wilayah Indonesia. Hal tersebut berlangsung dengan baik atas sokongan dan keikhlasan gagasan-gagasan cerdas dan pembaharuan dari KH. Ahmad Dahlan. Di samping disokong oleh suatu pergelutan dalam menghadapi realiti kehidupan umat Islam dan masyarakat Indonesia pada waktu itu. Ia mesti

menjadi tentangan dan dipecahkan masalahnya terutama masalah fahaman keagamaannya yang bercampur aduk. Oleh yang demikian faktor-faktor yang menjadi pendokong lahirnya Muhammadiyah antaranya ialah :

“(a) disebabkan umat Islam berpegang teguh kepada tuntunan al-Quran dan Sunnah sehingga bermaharajalela syirik, bid’ah dan khurafat dan hal ini mengakibatkan umat Islam tidak menjadi golongan yang terhormat dalam masyarakat. Demikian pula agama Islam tidak lagi memancar sinar murninya. (b) Ketiadaan persatuan dan kesatuan antara umat Islam akibat lemahnya ukhuwah Islamiyah dan ketiadaan satu organisasi yang kuat. (c) Kegagalan sebahagian institusi-institusi pendidikan Islam dalam melahirkan kader-kader Islam kerana ia tidak lagi dapat memenuhi tuntutan zaman. (d) Ramai umat Islam hidup di alam fanatisme sempit, bertaklid buta, berfikir secara dogmatis, berada dalam konservatisme, formalisme dan tradisionalisme. (e) Dan kerana keinsafan akan bahaya yang mengancam kehidupan dan pengaruh agama Islam serta berkaitan dengan kegiatan misi dan misionaris orang Kristian bermazhab Kristian (zending Kristen) di Indonesia yang semakin menanamkan pengaruhnya di kalangan rakyat”

(Junus Salam,1968: 33).

Hal di atas inilah yang membezakan antara asas penubuhan gerakan Muhammadiyah dengan NU terutama apabila “menghadapi kegiatan misi dan misionaris” Kristian. Sikap kiyai NU terutama K.H. Hasyim Asy’ari yang bersikap konfrontatif terhadap semua produk Barat dengan anggapan kesemua barangan tersebut adalah haram disebabkan mereka beragama kristian terutamanya kepada pemerintah Belanda penjajah. Tidak terkecuali bagi sesiapa yang menghadiri *Muktamar al-Alam al-Islami Far’ul Hindisy Syarkiah* di Mekah, dipelopori oleh H. Abdul Wahab Chasbullah pada tahun 1926. Hal ini kemungkinan besar disebabkan K.H. Abdul Wahab Chasbullah tidak berpuas hati kerana tidak tersenarai sebagai wakil dalam utusan tersebut. Ditambah pula apabila salah seorang yang utuskan adalah K.H. Mas Mansyur yang pernah berkonflik dengan beliau sewaktu di Taswir al-Afkar pada tahun 1916. Lantaran itu, K.H. Abdul Wahab Chasbullah menjemput persatuan kiyai-kiyai untuk mengadakan mesyuarat ahli jawatankuasa di rumahnya pada bulan Januari 1926 dan memutuskan untuk mengirim dua orang utusan menghadap Raja Ibn Saud bagi mempersembahkan pandangan organisasi tentang permasalahan mazhab serta menyarankan kepada Raja Ibnu Saud untuk mengambil langkah menjaga kepentingan mazhab dan memperbaiki perjalanan ibadat Haji. Utusan tersebut terdiri daripada Kiyai Haji Khalil dari Lasem dan K.H. Abdul Wahab Chasbullah dari Surabaya (Deliar Noer, 1973: 86-89 & 1985: 244-245). Menurut Delia Noor (1973) keputusan hasil mesyuarat ahli jawatankuasa tersebut adalah sebagaimana berikut:

“(1) Mengutus delagasi menemui Raja Saud di Mekah untuk menghormati dan menghargai kebebasan melakukan ibadat kaum tradisional di Indonesia. (2) Membentuk sebuah Jamiyyah sebagai wadah persatuan para Ulama dalam tugasnya memimpin umat menuju *Izzatul Islam Wal Muslimin*. Jamiyyah tersebut diberi nama Nahdlatul Oelama (NO) bertujuan mewujudkan masyarakat Islam yang berpegang dengan aqidah Ahli Sunah Wal Jamaah. (3) Semangat Nasionalisme dan kegamaan terhadap politik Hindia Belanda yang menghalang kebebasan umat Islam Indonesia melakukan ibadah Haji dengan melestarikan tradisi lama yang baik dan mengambil tradisi baru yang lebih baik (*al-Muhafadzah Ala Qadim al-Salih wa al-Akhdu bil jadid al-Aslah*).” Menurut Fery Ibnu al-Uraydhi Al-Bantani (2011) telah diwariskan oleh para Walisongo dalam menyebarkan agama Islam di tanah air tanpa menimbulkan konflik.”

Ketiga-tiga hasil kesepakatan tersebut menjadi sejarah penting dalam kalangan NU. Kemudian, ia dijawab oleh Raja Ibn Saud melalui timbal balas surat rasmi bernombor 2082

pada 24 Zulhijjah 1346 H, sepertimana telah dihurai sebelum ini. Sejarah tersebut boleh dikatakan sebagai hasil kreativiti agresif dan tidak diduga sebelumnya oleh mereka. Menurut Mudjahirin Thohir (2007) dengan lahirnya konflik tersebut telah membawa impak positif kepada perkembangan Islam. Bahkan perbezaan pendapat (konflik) antara K.H. Abdul Wahab Chasbullah dan K.H. Mas Mansyur dianggap sebagai dinamika sosial yang melahirkan kreativiti-kreativiti baru yang sebelumnya tidak pernah terlintas dalam benak fikiran beliau. Kreativiti baru tersebut sebenarnya berkait rapat dengan apa yang dilakukan K.H. Abdul Wahab Chasbullah untuk menjemput pasukan kiyai-kiyai berbincang di rumahnya pada bulan Januari 1926. Di samping itu, beliau mengambil kesempatan hasil pertemuan tersebut untuk membentuk sebuah jawatankuasa bagi mengasas sebuah Jamiyyah yang dikenali sebagai Nahdlatul Oelama (NO) atau kini sebagai NU pada 31 Januari 1926 bersamaan dengan 16 Rejab 1334 H. Beliau turut melantik Haji Hasan Gipo merangkap Tanfidziyah HBNO (Hoofd Bestuur Nahdlatoel Oelama) dibantu oleh K.H. Rois Said (Paneleh, Surabaya) sebagai Rois Syuriah (Saifuddin Zuhri, 1998:49-54). Penubuhan Jamiyah yang diberi nama Nahdlatoel Oelama (NO) ini menjadi petanda kebangkitan golongan ulama bertujuan untuk membina masyarakat Islam berdasarkan kefahaman kepada ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah iaitu:

“Mengadakan perhubungan antara ulama-ulama bermadzhab dan meneliti kitab-kitab sebelumnya untuk kegunaan tenaga pengajar, juga dinilai adakah ia bersumber daripada kitab-kitab Ahli Sunnah Wal Jamaah atau kitab Ahli Bidaah”

(Pasal 3 ayat a & b, di dalam Statuten Perkoempulan Nadlatoel Oelama 1926/1344H. HBNO, Soeraboyo).

K.H. Muhammad Hasyim Asy'ari terkenal sebagai pengasas sekaligus bertindak sebagai ketua pertama dalam organisasi NU, ketua pertama organisasi NU adalah Haji Hasan Gipo. K.H. Wahab Chasbullah bersungguh-sungguh bertindak sebagai penggerak utama sehingga berlakunya pertemuan antara ahli jawatankuasa dan membentuk NU di rumahnya. Pada Mukhtamar IV Semarang pada tahun 1929 M/ 1348 H, barulah Haji Hasan Gipo diturunkan dan diganti dengan K.H. Noor, Sawah Pulo dari Surabaya serta K.H. Muhammad Hasyim Asyaari sebagai Rois Akbar HBNO manakala Kiyai Wahab Chasbullah sebagai Katib Am. Sementara surat pengakuan penyerahan NO/NU pada 5 September 1929 oleh jawatankuasa Nahdlatoel Oelama (NO) adalah K.H. Said bin Saleh. Kemudian pada 6 Februari 1930, barulah pemerintah penjajah Hindia Belanda memaklumbalas dan memasukkan ke dalam Surat Keputusan (*besluit*) Goebernoer-Djendral (GD) Nombor: I x.23.1930. Dengan ini pertubuhan NU disahkan sebagai Badan Hukum NO atau dengan nama GD Hindia-Nederland adalah GR. ERDBINK (Komunitas Pengrajin Kata, 2012). Rentetan daripada proses pengasasan NU ini dilihat amat berbeza dengan proses mengasaskan Muhammadiyah. Perbezaan tersebut berlaku disebabkan suasana yang mempengaruhi dinamika kemajuan daripada hasil usaha terutama dalam bidang pendidikan masing-masing.

### **Lembaga Pendidikan Muhammadiyah dan NU**

James Peacock (1986) seorang antropologis dari Amerika Syarikat yang melakukan kajian mengenai Muhammadiyah pada tahun 1970-an mendapati bahawa gerakan pertubuhan Muhammadiyah telah memberi sumbangan besar dalam bidang kemasyarakatan dan pendidikan. Muhammadiyah adalah satu organisasi utama dan terkuat dari lima negara terbesar dunia (James L. Peacock, 1986: 26). Pengakuan tersebut berdasarkan jumlah institusi pendidikan di bawah naungan Muhammadiyah berjumlah 16942 unit dengan perincian sebagaimana berikut: Taman Kanak-Kanak (TK) sebanyak 4623 buah, Pendidikan Anak Usia Dini (PAUD) sebanyak 6723 buah, Sekolah Luar Biasa sebanyak 15 buah, Sekolah Dasar

sebanyak 1137 buah, Madrasah Ibtidaiyah sebanyak 1079 buah, Madrasah Diniyah sebanyak 347 buah, Sekolah Menengah Pertama sebanyak 1178 buah, Madrasah Thanawiyah sebanyak 507 buah, Madrasah Aliyah sebanyak 158 buah, Sekolah Menengah Atas (SMA) sebanyak 589 buah, Sekolah Menengah Vokasional sebanyak 396 buah, Muallimin/Muallimat sebanyak 7 buah, Pondok Pesantren sebanyak 101 buah, Sekolah Menengah Farmasi sebanyak 3 buah. Manakala sehingga kini pusat pendidikan tinggi yang dipelopori oleh gerakan Muhammadiyah adalah sebanyak 40 buah Universiti, 93 buah Sekolah Tinggi, 32 buah Akademi serta 7 buah Politeknik (A. Rosyad Sholeh, 2011: 27). Sehingga tahun 2010, kesemua pusat pengajian tinggi yang diasaskan oleh gerakan Muhammadiyah ialah sebanyak 172 buah.

Pada tahun 1936, pada peringkat permulaannya gerakan Muhammadiyah ingin menubuhkan sebuah pusat perguruan tinggi (Universiti Muhammadiyah). Walau bagaimanapun pada 18 November 1955 bersamaan dengan 3 Rabiulakhir 1375 H, barulah ia berjaya direalisasikan bertempat di Padang Panjang Sumatera Barat (Mahmud Yunus, 1996: 278-279). Kemudian pada tahun 1957, ia dipindahkan ke Jakarta yang menjadi asas kepada tertubuhnya Universitas Muhammadiyah Jakarta (UMJ). Seterusnya, ia berkembang dalam bidang Pendidikan Perguruan Tinggi, sama ada dalam berbentuk pengajian Universiti atau Sekolah Tinggi. Asas penubuhan perguruan tinggi Muhammadiyah pada tahun 1955 boleh dikatakan hampir sama dengan penubuhan Universitas Nahdhatul Ulama (UNNU) Surakarta pada tahun 1958. UNNU bertindak sebagai salah satu universiti yang menjadi kebanggaan ahli NU meskipun ia tidak dikelola secara rasmi oleh organisasi NU sebagaimana organisasi Muhammadiyah. Kemudian pada tahun 1964, barulah ia diakui oleh SK Menteri Agama RI No. 38 (Parsono Agus Waluyo, 2012). Gerakan pemeraksanaan umat dalam bidang pendidikan terus berlaku sejak mula menjadi perhatian persatuan ulama pengasas NU. Ia beroperasi di bawah Institusi Lembaga Pendidikan Ma'arif Nahdlatul Ulama (LP Ma'arif NU). LP Ma'arif NU ini “bersama-sama dengan jamiyah NU secara keseluruhan membina strategi-strategi yang dianggap mampu merangkumi program-program pendidikan yang dicita-citakannya” (Pengurus Pusat LP Ma'arif NU, 2012). Oleh itu, bagi mencapai idea tersebut, NU mengasaskan institusi yang mengelola persatuan pendidikan iaitu:

“(1) persatuan pendidikan yang diasaskan oleh LP Ma'arif NU, (2) persatuan pendidikan yang diasaskan oleh jemaah atau institusi lain di persekitaran NU dengan kerjasama LP Ma'arif NU dalam pengelolaannya, dan (3) persatuan pendidikan yang didirikan dan dikelola secara tersendiri oleh jama'ah atau lembaga lain di lingkungan NU”

(Pengurus Pusat LP Ma'arif NU, 2012).

Ketiga-tiga kelompok persatuan tersebut dianggap sebagai persatuan pendidikan yang bernaung di bawah LP Ma'arif NU. Fokus utama LP Ma'arif NU ialah menumpukan perhatian kepada persatuan pendidikan formal hasil keputusan Muktamar NU ke-31 di Boyolali Jawa Timur dengan harapan dapat memperkasakan pendidikan dalam persekitaran NU. Sehingga kini sasaran yang tercatat iaitu lebih daripada 6000 institusi pendidikan yang tersebar di seluruh pelosok tanah air bernaung di bawah NU. Bermula daripada SD dan MI, SMP dan MTs, SMA dan MA serta SMK dan MAK serta beberapa buah perguruan tinggi [Sejarah LP Ma'arif NU: 2012] kira-kira sejumlah 78 buah kesemuanya. Bagi melancarkan lagi sistem pengurusan Perguruan Tinggi (PT), maka dibentuk Asosiasi Perguruan Tinggi Nahdlatul Ulama (APTINU) berpusat di Unisma Malang, Jawa Timur terdiri daripada pelbagai wilayah yang terbahagi dalam enam koordinator wilayah. Kemudian, tonggak utama terletak dibawah pengelolaan Perguruan Tinggi Nahdlatul Ulama (PTNU) iaitu pada Muktamar ke-32 NU di Makassar pada akhir bulan Mac 2010. Menurut Noor Achmad (2013) “kebangkitan PTNU dengan ditandai hadirnya lajnah baru, iaitu Lajnah Pendidikan Tinggi Nahdlatul Ulama (LPTNU).” Kemunculan pendidikan tinggi dalam kalangan NU sememang

agak terlambat dan hal ini diakui sendiri oleh Said Aqil Siroj (2013), ketua umum PBNU sebagaimana berikut :

“oleh kerana sikap *not cooperation* para Kiyai dengan Belanda maka kiyai NU mengharamkan sekolah-sekolah yang didirikan Belanda. Baru tahun 1970an barulah lahirnya sarjana bahkan ia boleh dihitung dengan jari. Namun sekarang sudah banyak tersebar di pelbagai perguruan tinggi.” Katanya lagi “dalam tempoh tersebut pihak pengurusan akan mengasas 10 universiti yang akan selesai dibina pada tahun 2015 dan 10 buah universiti ini akan dibangunkan atas nama UNU.”

Di samping itu, menurut Noor Achmad (2013) ketua Pimpinan Pusat LPTNU di Mukthamar NU Makassar tahun 2010 menyatakan bahawa jumlah PTNU adalah sebanyak 201 buah. Namun, jumlah PTNU sering kali bertukar dari masa ke masa manakala perguruan tinggi yang berkait rapat dengan LPTNU adalah sebanyak 95 buah sahaja.

## PENUTUP

Muhammadiyah bermaksud umat Muhammad atau pengikut Muhammad s.a.w, selaku nabi terakhir. Berdasarkan pengertian tersebut, K.H. Ahmad Dahlan telah memilih Muhammadiyah sebagai nama organisasi yang ingin diasaskannya melalui solat istikharah. Seterusnya pada tahun 1912 dengan penuh keyakinan beliau telah berjaya mengasaskan organisasi gerakan Muhammadiyah di Yogyakarta. Manakala NU pula bermaksud petanda kebangkitan kaum ulama tradisional yang bertujuan membina masyarakat Islam berdasarkan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah, yang diasaskan oleh persatuan kiyai pada tahun 1926 di Jawa Timur selepas pelbagai konflik yang timbul. Sehingga kini, organisasi Muhammadiyah dan NU berjaya bertapak dan menjadi organisasi Islam terbesar di Indonesia yang mempunyai struktur kepimpinan peringkat pusat di bandar-bandar utama negara sehingga ke cawangan-cawangan di kawasan perkampungan. Kedua-dua organisasi tersebut adalah gerakan bersifat sosial keagamaan dan masing-masing mempunyai perbezaan dalam proses pengasasannya. Gerakan Muhammadiyah yang diasaskan oleh Kiyai Ahmad Dahlan dibina atas dasar konflik batin beliau terhadap keadaan umat Islam Indonesia yang mengalami kemunduran, disebabkan kebekuan fikiran dan kepercayaan masyarakat kepada perkara-perkara tahyul, bidaah, dan khurafat. Di samping itu, keadaan masyarakat yang masih ditindas oleh penjajah Belanda yang menginginkan rakyat Indonesia hidup dalam suasana kolot dan bodoh serta semakin parah lagi apabila lahirnya sebahagian penghulu agama Islam peribumi yang tidak memahami ajaran agama sebaik mungkin untuk disebarkan kepada masyarakat supaya selari dengan ajaran al-Quran dan Sunah. Oleh itu, bagi membebaskan rakyat dari belenggu tersebut, maka K.H. Ahmad Dahlan telah bertindak melakukan gerakan kesedaran dengan mengasaskan institusi pendidikan (sekolah) pada tahun 1911 dan organisasi Muhammadiyah pada tahun 1912. Hal tersebut membezakan antara asas penubuhan gerakan Muhammadiyah dengan NU. Bagi penubuhan organisasi NU pula, ia diasaskan pada tahun 1926 oleh persatuan Kiyai-Kiyai di Jawa Timur dengan pelbagai konflik yang timbul iaitu (1) tercetusnya perbezaan pendapat antara K.H. Wahab Chasbullah dengan K.H. Mas Mansyur di persatuan Taswir al-Afkar atau Nahdlatul Wathan pada tahun 1916. (2) ketidakpuasan hati K.H. Abdul Wahab Chasbullah tentang wakil yang dihantar ke Kongres al-Islam Hindia Timur oleh Raja Ibn Saud di Mekah iaitu Haji Umar Said Cokroaminoto dari SI dan K.H. Mas Mansyur dari Muhammadiyah yang kemudiannya bertindak membentuk ahli jawatankuasa pada 31 Januari 1926 bersamaan 16 Rejab 1334 H sekaligus mengasaskan NU.

Selama ini ramai menganggap K.H. Muhammad Hasyim Asy'ari sebagai pengasas (ketua pertama) organisasi NU walaupun ketua utamanya adalah Haji Hasan Gipo. Ini bersesuaian dengan apa yang ditunjuk oleh K.H. Wahab Chasbullah sebagai pelopor

lokomotif utama terjadinya pertemuan tersebut sehingga berjaya membentuk jawatankuasa di rumahnya di Surabaya, Jawa Timur pada tahun 1926. Kemudian pada Mukhtar IV di Semarang pada tahun 1929, Haji Hasan Gipo telah digantikan kepada K.H. Noor dibantu oleh K.H. Muhammad Hasyim Asyari sebagai Rois Akbar HBNO dan Kiyai Wahab Chasbullah sebagai Katib Am. Oleh itu, rentetan daripada proses pengasasan NU ini sememangnya berbeza dengan proses penubuhan Muhammadiyah. Perbezaan ketara meliputi sejarah asal usul penubuhannya, karya penulisan, pekerjaan pengasas, langkah-langkah monumental, faktor-faktor yang menyokong dan institusi pendidikannya. Berdasarkan perbezaan daripada kedua-dua organisasi tersebut telah mempengaruhi perkembangan organisasi dengan corak dan watak tersendiri.

Tidak dinafikan bahawa gerak kerja organisasi seterusnya amat berkait rapat dengan niat pengasasnya seperti falsafah sebuah pokok, contohnya pokok mangga semestinya akan mengeluarkan buah mangga yang menjadi ciri dan sifatnya. Ia sekali-kali tidak berbeza antara ciri dan sifat asal mangga tersebut sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: "Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah (kesucian), maka kedua orang tuanyalah yang mencorakkan anak tersebut kepada Yahudi atau Nasrani atau Majusi" (HR. Al-Bukhari no. 1279, Muslim no. 2658). Jelaslah betapa pentingnya peranan orang tua dalam mengubah kesucian fitrah seorang anak yang diamanahkan oleh Allah s.w.t. Hakikatnya, pengaruh tersebut akan terus mempengaruhi institusi-institusi yang diasaskan oleh manusia di dunia ini. Hal ini sebagaimana organisasi Muhammadiyah yang dipengaruhi oleh niat dan buah fikiran pengasasnya iaitu Kiyai Ahmad Dahlan. Sesungguhnya langkah-langkah yang dilakukan oleh Kiyai Ahmad Dahlan yang memperbaharui secara kritikal, akan terus dilanjutkan oleh generasi seterusnya. Kemudian, akan terpatry dalam hati dan fikiran kader-kader dan pengikutnya agar bergabung dengan organisasi Muhammadiyah seperti Bung Karno (Soekarno, presiden pertama Indonesia), Tan Malaka, Jenderal Sudirman (Panglima petama TNI), Haji Abdul Malik Karim Amrullah (HAMKA), Amien Rais, dan lain-lain. Begitu juga karakter atau ciri khas daripada organisasi NU yang diasaskan oleh persatuan kiyai-kiyai. Organisasi ini telah berjaya melahirkan tokoh-tokoh seperti KH. M. Hasyim Ashari, KH. Wahid Hasyim, KH. Idham Khalik, KH. Abdurrahman Wahid (Gusdur) dan lain-lain lagi.

## RUJUKAN

- A Rosyad Sholeh, H. 2011. Pedoman: Prioritas program pengembangan 2010-2015. *Suara Muhammadiyah*: 05 / 96 / 1 - 15 Marc.
- A. Mukti Ali. 1975. *The Muhammadiyah movement: A bibliographical introduction*. Montreal: McGill University.
- Abdul Aziz. 2011. Tradisi masyarakat Islam yang bersumber. (Atas talian). Muat turun 2 October 2012, dari <http://faisalchoir.blogspot.com/2011/06/tradisimasyarakat-islam-yang-bersumber.html>.
- Abdurrahman Mas'ud. 2007. *Intelektual pesantren: Perhelatan agama dan tradisi*. Yogyakarta: LKiS.
- Affandi Mochtar. 1993. *The method of Muslim learning as illustrated in al-Zarnujis Ta'lim al-Muta'allim Tariq al-Ta'allum*, Tesis Sarjana, Montreal, McGill University.
- Ahmad Taufik. 2005. *Sejarah pemikiran dan tokoh modernisme Islam*. Jakarta: Raja Grafindo.
- Anom. 1999. Al-Arkhabil, tahun 5, vol 8, Sya'ban 1420H Nopember 1999. Jakarta: LIPIA.
- Badri Yatim. 2006. *Sejarah peradaban Islam*. Cet. II. Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada.
- Bogdan & Taylor. 2009. Dlm. R. Siti Zuhro. *Demokrasi lokal: Peran aktor dalam demokratisasi*. Yogyakarta: Penerbit Ombak.



- Bogdan, R. C, & Biklen, SK., 1992. *Qualitative research for education: An introduction to theory and methods*. Boston: Allyn & Bacon.
- Deliar Noor. 1973. 1985. *Gerakan moderen Islam di Indonesia 1900-1942*. Jakarta: LP3ES, Edisi Ketiga.
- Deliar Noor. 1980. *Gerakan modern Islam di Indonesia 1900-1942*. Jakarta: LP3ES.
- Djarnawi Hadikusuma, H., t.th., *Risalah Islamiyah*. Yogyakarta: Persatuan.
- Fery Ibnu Al-Uraydhi Al-Bantani. 2011. *Profil Ulama Nusantara*. K.H. Abdul Wahab.
- Hasbulloh Jombang Jawa Timur. blog. October. (Atas talian). Muat turun 9 October 2012, dari <http://mentarinusantara.blogspot.com/2011/10/kh-abdul-wahabhasbulloh-jombang-jawa.html>.
- Ikrom, Wirjoatmodjo. 1958. Pembebasan tahanan Jepang. *Majalah Suara Muhammadiyah*. No.12.
- Jainuri, Achmad. 2002. *Ideologi kaum reformis*. Surabaya: LPAM.
- James L. Peacock. 1986. *The Muhammadiyah movement in Indonesia Islam (Gerakan Muhammadiyah memurnikan ajaran Islam di Indonesia)*. Jakarta: Cipta Kreatif.
- Junus Salam, 1968. *Riwayat hidup K.H. A. Dahlan: Amal dan perdjoangannja*. Jakarta: Depot Pengajaran Muhammadiyah, Edisi Kedua.
- Kitab Bagawatgita. t.th., no. 22.
- Kitab Weda Smerti, t.th., No. 192.
- Komunitas Pengrajin Kata. 2007. Kelahiran Nahdlatul Ulama. 19 Januari. (Atas talian). Muat turun 8 November 2012, dari <http://pengrajinkata.blogspot.com>.
- Lathiful Khuluq. 2001. *Fajar kebangunan ulama: Biografi K.H. Hasyim Asy'ari*. Yogyakarta: Lkis.
- Lois de Manou. 1833. *Comprenant les institutions religieuses et civiles des Indiens / traduites du sanscrit et accompagnees de notes explicatives*, par A. LoiseleurDeslongchamps, Paris: Impr.de Crepelet. [KHAS-P. Alam dan Tamadun Melayu: JA84.I5M3 8 42].
- Mahmud Yunus. 1996. *Sejarah pendidikan Islam di Indonesia*. Jakarta: Hidakarya Agung.
- Maman A. Majid Binfas. 2003. Muhammadiyah versi A. Dahlan mulai terlupakan. *Majalah Tabligh*. Nomor: 04.
- Mt Arifin. 1987. *Gagasan pembaharuan Muhammadiyah dalam pendidikan*. Jakarta: Pustaka Jaya.
- Mulyawan Karim. 2008. Kliping: Ratu Wilhelmina dan Budi Utomo. *Harian Kompas*. Mei 5.
- Noor Achmad, MA. Dr., 2013, Hasil Wawancara. 25 Februari 2013, senin. pkl. 3:30-4:30 di Gedung Pimpinan Pusat PBNU, Jakarta.
- Noor Achmad. 2010. NU Memiliki 201 Perguruan Tinggi. *Pikiran Rakyat*. Kamis, 25/03/2010 - 13:32.
- Parsono Agus Waluyo. 2012. Sejarah Universitas Nahdhatul Ulama (UNU) Surakarta, Solo. Muat turun 9 November 2012, dari <http://mp3pitudurluhur.blogspot.com/>
- Said Aqil Siroj, Prof. Dr. K.H., 2013. Hasil Wawancara. 26 februari 2013. Selasa, Pkl. 5:30-5.45. Kantor PBNU Jakarta. Indonesia.
- Saifuddin Zuhri. 1998. *Karisma ulama: Kehidupan ringkas 26 tokoh NU*. Bandung: Mizan.
- Sejarah LP Ma'arif NU. 2012. Muat turun 9 November 2012, dari <http://www.lpmaarifnukotasmg.org/lpmaarifnu/index.php/sejarah>.
- Soebagijo, I.N., & K.H. Mas Mansur. 1982. *Pembaharuan Islam Indonesia*. Jakarta: PT. Inti Idayu Press.
- Solichin Salam & K.H. Ahmad Dahlan 1963: *Reformasi Islam Indonesia*. MCMLXIII. Djakarta: Djajamurni.
- Statuten Perkoempulan Nadlatoel Oelama 1926/1344H. HBNO, Soeraboyo.
- Surat Rasmi Balasan Raja Saudi kepada NU.1999. Al-Arkhabil, Tahun 5, vol 8, Sya'ban 1420H Nopember 1999, Jakarta: LIPIA.

- Thalhah Hasan. 2002. *Alam pikiran K.H. Ahmad Dahlan dan K.H. Hasyim Asy'ari: Asal usul kutub gerakan Islam di Indonesia*. Jakarta: Galura Pase.
- Usman Yatim & Almisar Hamid. 1993. *Muhammadiyah dalam sorotan*. Jakarta: PT Bina Rena Pariwara.
- Yusran Asmuni. 2001. *Pengantar studi pemikiran dan gerakan pembaharuan dalam dunia Islam*. Jakarta: Raja Grafindo Persada.
- Zuhairini. 1995. *Sejarah pendidikan Islam*. Jakarta: Bumi Aksara.

**Biodata Penulis:**

**Maman Abdul Majid Binfas**

Maman Abdul Majid Binfas sedang mengikuti pengajian di peringkat Doktor Falsafah, di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.

**Mohd Syukri Yeoh Abdullah**

Felo Penyelidik Kanan di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.

**Ahmad Munawar Ismail**

Felo penyelidik (bidang Usuluddin dan Falsafah) di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.